



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 16 DISEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LEPAS 3 JUTA ANAK IKAN KE TASIK KENYIR, NEGARA, KOSMO -15	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	WOOD PRODUCTS SEIZED AT PORT, NATIONAL, THE SUN -5	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	PROSIDING ISU KHAZANAH, PNB DAN NAFAS TAHUN DEPAN, DALAM NEGERI, UM -9	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
4.	RUGI RATUSAN RIBU RINGGIT TERNAKAN MATI AKIBAT BANJIR, NASIONAL, BH -19	LAIN-LAIN
5.	PENTERNAK RUGI RM10,000 37 LEMBU MATI DIHANYUT AIR, LOKAL, HM -18	
6.	PENTERNAK AKUAKULTUR, NELAYAN RUGI RM2.7 JUTA AKIBAT BANJIR, DALAM NEGERI, UM -6	
7.	PENTERNAK RUGI RM1 JUTA IKAN SANGKAR MATI, DALAM NEGERI, UM -37	
8.	PENTERNAK AKUAKULTUR, NELAYAN RUGI RM2.7 JUTA, HULU TERENGGANU, SH -25	
9.	RIBUAN ANAK IKAN KORBAN ARUS DERAS, LOKAL, HM -9	
10.	PENTERNAK IKAN RUGI LEBIH RM1j, NASIONAL, BH -18	
11.	PENGELUARAN SAYUR DARI TANAH TINGGI LOJING TERJEJAS 40 PERATUS, NASIONAL, BH -18	
12.	ANIMAL ABUSE CLAIMS SPARK CALL FOR PRODUCT BAN, NATIONAL, THE SUN -6	
13.	ENGINEER 'RICE'S' TO THE OCCASION WITH FLOATING TECHNIQUE, NATION, THE STAR -3	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2024	KOSMO	NEGARA	15

Lepas 3 juta anak ikan ke Tasik Kenyir

HULU TEREANGANU – Jabatan Perikanan melepaskan tiga juta anak ikan pelbagai spesies di Tasik Kenyir di sini dalam tempoh lima tahun sebagai inisiatif memastikan kelestarian tasik buatan terbesar di Asia Tenggara berkenaan.

Pengarah Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, inisiatif yang menelan belanja kira-kira RM1 juta terbabit sebagai tarikan kepada segmen perikanan rekreasi yang popular di tasik berkenaan.

“Berdasarkan kajian, Tasik Kenyir memiliki kira-kira 60 spesies

kelah, jelawat kerandang dan sebarau,” katanya di Sungai Leban, Tasik Kenyir di sini semalam.

Ruzaidi berkata, kepelbagaian spesies ikan air tawar di Tasik Kenyir juga memberi manfaat kepada nelayan darat tempatan.

Sehubungan itu, beliau menyeru orang ramai terutama golongan nelayan dan pancing tidak menggunakan kaedah dilarang seperti tuba, senapang ikan, peralatan elektrik atau pukal bagi mengelak kelestarian sumber perikanan Tasik Kenyir terganggu.

“Berdasarkan kajian, Tasik Kenyir memiliki kira-kira 60 spesies ikan air tawar.”

RUZAIDI

Antara spesies eksotik tempatan asli (terdapat di Tasik Kenyir) ialah temoleh, lampam,



RUZAIDI (tengah) melepaskan anak ikan sempena penglanjuran IMCT di Sungai Leban, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2024	THE SUN	NATIONAL	5

Wood products seized at port

JOHOR BAHRU: The Malaysian Quarantine and Inspection Service Department in Johor confiscated nearly six tonnes of wood products from China estimated to be worth RM75,000 at the Pasir Gudang Port on Tuesday after the consignment was found without a valid import permit.

Importing products without a valid permit is an offence under Section 11(1) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 and is punishable under Section 11(3). – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Prosiding isu Khazanah, PNB dan Nafas tahun depan

PETALING JAYA: Prosiding terhadap isu Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah), Permodalan Nasional Bhd. (PNB) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dijadualkan bermula pada sesi Dewan Rakyat penggal keempat. Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Datuk Mas Ermeyati Samsudin berkata, prosiding ini akan bermula pada 3 Februari 2025 ketika sidang Dewan Rakyat tahun depan.

"Insya Allah, saya akan panggil pihak-pihak berkenaan untuk menghadiri prosiding pada waktu itu. Prosiding ini pasti akan dilaksanakan dan kita akan mulakan sebaik sidang Parlimen bermula pada tarikh tersebut.

"Terdapat lima isu utama yang akan dibincangkan PAC pada tahun hadapan dengan prosiding berlangsung sejajar jadual sidang Dewan Rakyat selama sebulan.

"Kita akan memanfaatkan tempoh persidangan ini untuk mengadakan pertemuan dan menjalankan prosiding seperti kelaziman pada sidang Parlimen sebelum ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Terdahulu akhbar ini melaporkan, PAC akan memulakan prosiding terhadap Khazanah dan PNB berhubung kerugian

pelaburan dalam FashionValet Sdn. Bhd. (FashionValet) berjumlah RM43.9 juta.

Selain itu, Nafas bagi menjejaskan isu kartel baja yang sedang melanda pertubuhan berkenaan.

FashionValet menjadi tumpuan selepas Khazanah dan PNB yang melabur sebanyak RM47 juta dalam syarikat itu hanya memperoleh RM3.1 juta hasil penjualan semula pegangan dalam syarikat berkenaan.

Persoalan timbul apabila maklumat kewangan FashionValet yang diperoleh daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menunjukkan syarikat itu mengalami kerugian lima tahun berturut-turut sebelum dua syarikat berkaitan kerajaan itu membuat pelaburan.

Dalam pada itu, mengenai Nafas, PAC sedang menjalankan prosiding berhubung Pengurusan Program Penanaman Padi dan setakat ini sebanyak empat prosiding sudah diadakan dengan seramai 12 saksi dipanggil untuk memberikan keterangan dan penjelasan.

PAC bimbang kemelut yang melanda pertubuhan tersebut akan membawa kepada masalah lebih besar iaitu kekurangan baja kepada pesawah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Rugi ratusan ribu ringgit ternakan mati akibat banjir

Tumpat: Penternak lembu dari-pada lebih 10 kampung di Peng-kalan Kubor, di sini berdepan ke-rugian mencecah ratusan ribu ringgit berikutan ternakan me-reka mati dan hanyut ketika ban-jir baru-baru ini.

Meskipun masih ada ternakan yang selamat tetapi, kebanyakannya mengalami penyakit disebabkan terlalu lama berada dalam air kerana banjir yang datang tidak disangka terlalu teruk sehinggakan penternak tidak sempat membawa keluar ternakannya ke tempat lebih selamat. Penternak, Mohd Azrul Abdul

Rahman, 36, berkata dia menanggung kerugian RM110,000 apabila 37 lembu peliharaannya mati serta dihanyutkan air ketika banjir gelombang pertama, baru-baru ini.

"Walaupun kandang di Kampung Palas Merah sudah dibina agak tinggi, air masih lagi melimpah dan menenggelamkan sebahagian lembu yang ketika itu tidak sempat dibawa keluar.

"Daripada hampir 300 lembu diletakkan di kandang itu, lebih 200 ekor sudah saya jual sebelum banjir dan selebihnya di dalam kandang.

"Sebahagiannya saya sempat keluarkan pada hari pertama air melimpah, namun 37 lembu ada yang hanyut dan tenggelam air," katanya.

Mohd Azrul berkata, ada juga beberapa lembu disembelih lebih awal kerana dilihat 'tidak sihat' dan kebanyakkan lembu milik penternak juga berdepan dengan penyakit kulit.

Katanya, beberapa ekor lembunya juga kelihatan lemah dan tiada selera makan sekali gus membimbangkannya kerana bakal berdepan dengan kerugian yang lebih tinggi.

"Bayangkan empat hingga lima hari lembu berendam dalam air, kesannya kaki lembu jadi membengkak dan ada berkuldis, mungkin lama-kelamaan akan mati," katanya.

Setiap kali musim banjir, laluan Jalan Keselamatan dan Pembangunan (Kesban) antara lokasi selamat untuk penduduk meletakkan kenderaan atau memuat ternakan ketika semua kawasan lain semakin dilimpahi air.

Bagaimanapun ketika banjir lalu, laluan itu menerima limpahan air menyebabkan banyak

kenderaan rosak serta ternakan berendam dalam air sehingga empat ke lima hari.

Penternak dikenali sebagai Amran, 57, semua lima lembunya ditambat di Jalan Kesban dan hanya datang memberi makan setiap hari.

"Disebabkan lembu berendam lama dalam air menyebabkan kaki berkuldis. Saya memberi ubat sembur, tapi tidak berkesan.

"Boleh dikatakan penternak kini sedang menunggu lembu mereka mati seekor demi seekor, kesan banjir di luar jangkaan," katanya.

Penternak rugi RM110,000 37 lembu mati dihanyut air

Tumpat: Penternak lembu di lebih 10 kampung di Pengkalan Kubor, dekat sini, berdepan kerugian mencecah ratusan ribu ringgit apabila ternakan mereka mati dan hanyut ketika banjir baru-baru ini.

Meskipun masih ada ternakan yang selamat tapi kebanyakannya kini mengalami penyakit disebabkan kan terlalu lama berada dalam air.

Ini kerana banjir yang datang tidak disangka terlalu teruk sehinggalah penternak tidak sempat membawa keluar ternakannya ke tempat lebih selamat.

Menurut Mohd Azrul Abdul Rahman, 36, dia menanggung kerugian sebanyak RM110,000 kerana 37 lembu peliharaannya mati serta dihanyutkan air ke-

tika banjir gelombang pertama baru-baru ini.

"Walaupun kandang di Kampung Palas Merah sudah dibina agak tinggi, air masih menenggelamkan sebahagian lembu yang tidak sempat dibawa keluar.

"Daripada hampir 300 lembu yang diletakkan di kandang itu, lebih 200 ekor

"Bayangkan empat hingga lima hari lembu berendam dalam air, kesannya lembu jadi bengkok dan ada yang berkudis, mungkin lama kelamaan akan mati"

Mohd Azrul

sudah dijual sebelum banjir manakala selebihnya berada di kandang. Sebahagiannya saya sempat keluar kan pada hari pertama air melimpah dan 37 menjadi mangsa banjir dengan ada yang hanyut dan tenggelam air," katanya.

Mohd Azrul berkata, ada juga beberapa ekor yang disembelih lebih awal kerana kelihatan 'tidak sihat'.

Katanya, kebanyakkan lembu milik penternak di sekitar kampungnya berdepan dengan penyakit kulit.

"Bayangkan empat hingga lima hari lembu berendam dalam air, kesannya kaki lembu jadi membengkak dan ada yang berkudis, mungkin lama kelamaan akan mati," katanya.

Setiap kali musim banjir, lalu Jalan Keselamatan dan Pembangunan (Ke-



LEMBU milik penternak di Pengkalan Kubor yang sakit akibat terlalu lama berendam dalam banjir.

sban) antara lokasi selamat untuk penduduk meletakkan kenderaan atau menambat ternakan mereka. Bagaimanapun ketika banjir lalu, lalu itu menerima limpahan air menyebabkan banyak kenderaan rosak serta ternakan berendam dalam air sehingga empat ke lima hari.

Bagi penternak yang ingin dikenali sebagai Amran, 57, semua lima lembunya difambat di Jalan Kesban dan setiap hari walaupun situasi ketika itu agak terancam dengan paras air semakin meningkat.

"Disebabkan banyak hari lembu berendam dalam air, kaki mereka menjadi berkudis dan sudah diubati, tetapi ia tidak berkesan bagi lembu yang sudah berkeadaan terlalu teruk.

"Boleh dikatakan penternak kini sedang menunggu lembu mereka mati seekor demi seekor kesan dari banjir yang luar jangka baru-baru ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Penternak akuakultur, nelayan rugi RM2.7 juta akibat banjir

HULU TERENGGANU: Bencana banjir melanda negeri ini sejak bulan lalu mengakibatkan 112 penternak akuakultur dan nelayan menanggung kerugian kira-kira RM2.7 juta.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Ruzaidi Mamat berkata, berdasarkan data dikumpul sebelum 13 Disember lalu, banjir menjejaskan 85 penternak akuakultur dan 27 orang lagi adalah nelayan.

“Bencana banjir kali ini berlaku di luar jangka bagi sesetengah tempat, sekali gus mengakibatkan banyak kawasan dan hasil ternakan musnah menyebabkan mereka terpaksa menanggung kerugian.

“Sektor akuakultur melibatkan 85 orang setakat ini dengan nilai anggaran kerugian serta kerugian kira-kira RM1.5 juta membabitkan keluasan ternakan 9.5 hektar.

“Nilai kerugian ditanggung 27 nelayan terlibat pula adalah sebanyak RM1.2 juta setelah pelbagai barangan milik mereka terutama peralatan menangkap ikan rosak.

“Banyak ikan yang diternak turut terlepas dan mati ekoran jaring sangkar bocor selain sangkar dihanyutkan arus deras,” katanya ketika ditemui dekat sini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	37

Penternak rugi RM1 juta ikan sangkar mati

BESUT: Seramai 17 penternak ikan sangkar di Sungai Cawat, di sini dianggarkan kerugian lebih RM1 juta selepas perusahaan mereka itu 'dibadai' arus banjir, baru-baru ini.

Arus deras dan berlumpur menyebabkan banyak ikan siakap dan tilapia ditenak dalam 500 unit sangkar yang telah matang mati.

Yuzairie Mat Jusoh, 42, berkata, dalam kejadian banjir gelombang pertama akhir bulan lalu, dia kerugian kRM50,000 setelah ikan siakap yang ditenak sejak awal tahun lepas mati dalam bencana alam itu.

"Ikan-ikan ini dijadual dijual pada akhir bulan lalu tetapi disebabkan cuaca tidak menentu dan banjir, saya terpaksa menangguhkannya terlebih dahulu.

"Tetapi arus deras menyebabkan ikan di dalam sangkar kepenatan dan akhirnya mati. Ia mati secara berperingkat dan penternak hanya mengetahui situasi itu setelah banjir mulai surut,"



YUZAIRIE Mat Yusof (kiri) bersama rakan penternak melihat sangkar ikan mereka di Sungai Cawat dekat Kampung Seri Kemunting di Besut, Terengganu. - UTUSAN / WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

katanya ketika ditemui di Sungai Cawat dekat Kampung Seri Kemunting, semalam.

Yuzairie yang tujuh tahun terlibat dalam bidang penternakan ikan berkata, proses pencu-

cian sangkar mengambil masa kira-kira satu minggu.

Sementara itu, Norizan Che Mohd. Nor, 42, menyifatkan banjir yang berlaku itu antara yang terburuk selepas 2022.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2024	SINAR HARIAN	HULU TERENGGANU	25

Penternak akuakultur, nelayan rugi RM2.7 juta



Kedadaan banjir di Hulu Terengganu. (Gambar kecil) Ruzaidi.

HULU TERENGGANU - Seramai 112 penternak akuakultur dan nelayan menanggung kerugian kira-kira RM2.7 juta apabila kawasan dan hasil ternakan musnah dalam bencana banjir, baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, daripada jumlah itu, 85 individu adalah penternak akuakultur manakala baki seramai 27 lagi adalah nelayan.

"Berdasarkan data dikumpul sehingga 13 Disember lalu, seramai 85 penternak akuakultur mencatatkan nilai anggaran kerosakan dan kerugian kira-kira RM1.5 juta dengan keluasan ternakan 9.5 hektar.

"Selain itu, 27 nelayan merekodkan nilai kerugian RM1.2 juta apabila harta benda milik mereka terutama alatan menangkap ikan rosak," katanya pada Ahad.

Dalam pada itu, Ruzaidi berkata, kebanyakan penternak dan nelayan mengalami kerugian akibat bencana banjir yang berlaku di luar jangkaan.

"Sabab tahun penduduk berdepan banjir, namun kali ini ada di beberapa tempat berlaku di luar jangkaan.

"Kebanyakan mereka terjejas berdepan kerosakan seperti sangkar dihanyutkan arus deras, jaring dipasang bocor menyebabkan ikan ditenak terlepas selain mati," katanya.

Sebelum ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengeluarkan amaran banjir di Terengganu susulan ramalan hujan berterusan di peringkat berjajaga.

Sebanyak 18 lokasi terletak dalam radius lima kilometer di Sungai Telemong dan Sungai Tersat dekat Hulu Terengganu dijangka mengalami banjir bermula 16 hingga 19 Disember ini.

Oleh Nurul Fatimah Sulaini
am@hmetro.com.my

Besut

Seramai 17 penternak ikan air tawar kerugian lebih RM1 juta selepas hampir 500,000 ikan dalam sangkar mati akibat arus deras Sungai Cawat di sini, akhir November lalu.

Penternak, Yuzairie Mat Jusoh, 42, berkata, dia kerugian RM50,000 apabila ikan siakap merah diusahakannya mati.

Katanya, kejadian arus sungai deras itu berlaku ketika banjir besar pada 28 hingga 30 November, baru-baru ini.

"Saya datang ke sangkar pada 1 Disember untuk memeriksa keadaan sangkar dan mendapati banyak ikan tersangkut pada puat dan keesokannya ikan mati mulai terapung.

"Ini tahun ketujuh saya ceburi bidang ternakan ikan dan kerugian dialami besar kerana ternakan sudah matang serta boleh dijual.

"Walaupun berdepan cuaca tidak menentu setiap hujung tahun saya pasrah dan tetap teruskan ternakan ikan ini sebagai sumber pendapatan keluarga," katanya ketika ditemui di Kampung Seri Kemunting, Kuala Besut,

Ribuan anak ikan korban arus deras

17 penternak ikan air tawar dalam sangkar kerugian hampir RM1 juta ketika banjir besar



"Kerugian dialami besar kerana ternakan sudah matang serta boleh dijual"
Yuzairie

Mohd Sayuti Musa, 38, berkata, dia mengusahakan ikan sangkar sejak 18 tahun lalu dan banjir 2022 paling teruk terjejas.

"Di sini ada lebih 500 sangkar ikan dan setiap sangkar dianggarkan terdapat lebih 1,000 ikan.

"Pada penghujung Oktober lalu kebanyakan penternak bersiap sedia menangkat sangkar mereka dengan banyak tali untuk mengelakkan sangkar daripada hanyut," katanya.

Katanya, mereka terpaksa mencari modal baharu untuk memasukkan semula anak benih ikan pada awal tahun hadapan.

"Kami hantar laporan kerugian ini kepada jabatan berkenaan untuk mendapatkan bantuan bagi meringankan sedikit beban ditanggung," katanya.



BEBERAPA penternak meninjau keadaan sangkar ikan mereka selepas mengalami kerugian akibat ikan mati disebabkan arus sungai deras ketika banjir di Sungai Cawat, Kampung Seri Kemunting, Kuala Besut.

untuk membersihkan ikan mati dalam sangkar.

"Seramai 17 penternak yang mengendalikan operasi projek ternakan ikan dalam sangkar berkelompok secara individu sejak 30 tahun lalu dan sekarang masuk generasi ketiga.

Katanya, hasil ikan ber-

kenaan dijual kepada pemborong sekitar Kuala Lumpur, Johor serta Pulau Pinang.

Seorang lagi penternak,

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

Pengeluaran sayur dari Tanah Tinggi Lojing terjejas 40 peratus

Perubahan suhu rencatkan pertumbuhan tanaman, harga dijangka naik

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Kota Bharu: Pengeluaran sayur-sayuran dari Tanah Tinggi Lojing terjejas sehingga 40 peratus berikutan hujan sejak bulan lalu.

Suhu yang terlalu sejuk sehingga mencecah 7 darjah Celsius waktu malam serta 19 darjah Celsius waktu siang turut merencatkan pertumbuhan tanaman berkenaan.

Timbalan Pengerusi Persatuan Penanam Bunga dan Sayur Bumiputera Tanah Tinggi Lojing,

Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata keadaan itu jika berlanjutan boleh mengurangkan sebahagian besar hasil tanaman.

"Keadaan ini juga secara tidak langsung akan meningkatkan harga sayur dan buah berikutan Tanah Tinggi Lojing menyumbang kira-kira 60 peratus hasil tanaman itu ke seluruh negara.

"Bagaimanapun, harga di negeri Pantai Timur stabil kerana menerima bekalan sayur dari Thailand.

"Dianggarkan lebih 80 peratus sayur dijual di Kelantan dari negara jiran bagi menstabilkan harga dan memenuhi permintaan ketika musim tengkujuh," katanya ketika dihubungi semalam.

Mohd Yusof berkata, jika berlaku kekurangan bekalan di se-



Mohd Yusof

luruh negara, isu berkenaan boleh diatasi dengan mengimport sayur, terutama dari Thailand.

Permintaan bertambah

Bagaimanapun, katanya, sekiranya permintaan bertambah harga sayur import juga meningkat, tetapi tidak ketara.

Beliau berkata, Tanah Tinggi Lojing menghasilkan lebih 60,000 tan sayur setiap bulan babitkan 600 pengusaha.

Media sebelum ini melaporkan, hasil pengeluaran sayur-sayuran negara dijangka terjejas hingga awal tahun depan susulan Monsun Timur Laut (MTL) yang sedang melanda.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur-Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee, berkata bekalan sayur ketika ini terkesan akibat banjir di beberapa negeri.



Tanah Tinggi Lojing menghasilkan lebih 60,000 tan sayur setiap bulan babitkan 600 pengusaha. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)



Penternak meninjau sangkar selepas lebih 500,000 ikan mati disebabkan arus deras Sungai Cawat di Kampung Seri Kemunting, Kuala Besut. (Foto Nurul Fatimah Sulaini/BH)

Penternak ikan rugi lebih RM1j

Besut: Banjir yang menyebabkan arus deras Sungai Cawat, Kuala Besut menyebabkan 17 penternak, di sini menanggung kerugian lebih RM1 juta apabila lebih 500,000 ikan dalam sangkar yang sudah matang dan sedia untuk dijual, mati.

Penternak ikan dalam sangkar, Norizan Che Mohd Nor, 42, berkata tahun ini dia kerugian kira-kira RM90,000 dan mengambil masa seminggu untuk memberihkan sangkar.

"Seramai 17 penternak ikan mengendalikan operasi projek ternakan ikan dalam sangkar berkelompok sejak 30 tahun lalu dan sekarang sudah masuk ge-

nerasi ketiga. Jenis ikan sangkar di sini antaranya siakap putih, siakap merah serta talapia," katanya.

Norizan berkata, hasil ikan berkenaan dijual kepada pemborong sekitar Kuala Lumpur, Johor serta Pulau Pinang.

Seorang lagi penternak, Yuzairie Mat Jusoh, 42, berkata dia kerugian hampir RM50,000 apabila ikan siakap merah yang di- ternak mati.

Katanya, kejadian arus sungai deras itu berlaku ketika banjir besar pada 28 hingga 30 November baru-baru ini.

"Saya datang ke sangkar pada 1 Disember untuk memeriksa ke-

adaan sangkar serta ikan, namun waktu itu sudah nampak ikan banyak tersangkut pada pukuk dan keesokannya ikan mati mulai terapung.

"Jika diikutkan ini tahun ketujuh saya menceburi bidang ternakan ikan dan kerugian dialami agak besar kerana ikan berkenaan sudah matang serta boleh dijual dalam pasaran.

"Walaupun berdepan cabaran cuaca tidak menentu setiap hujung tahun, saya pasrah dan tetap teruskan ternakan ikan ini sebagai sumber pendapatan keluarga," katanya ditemui di Kampung Seri Kemunting, Kuala Besut, kelmarin.

Animal abuse claims spark call for product ban

■ BY JOSHUA PURUSHOTMAN
newsdesk@the.sundaily.com

PETALING JAYA: People for the Treatment of Animals (Peta) has called on the authorities to ban coconut milk imported from Thailand due to animal cruelty.

Dr Heather Rally, who is a medical director at a US veterinary hospital in Los Angeles and a Peta activist, told theSun that its latest investigation took viewers inside schools at which endangered baby pig-tailed macaques were forcibly trained to pick coconuts for the Thai coconut industry.

"These macaques, that are less than three months old, are torn from their mothers and tethered for years on chains so short they can barely move. They are kept in flooded or trash strewn areas, and driven insane by endless confinement."

"So, we are appealing to the Malaysian government to ban the import of Thai coconut milk as we have found them being sold in supermarkets at major malls in the country."

Rally, who said she took part in the investigation, added that the macaques were forced to endure physical, social and psychological torment as part of their training.

She said Peta investigators have documented baby monkeys that were abducted from their families in nature or bred on-site being tethered on ropes and chains.

"Macaques are social animals but they are not given any shelter from extreme weather and denied the comfort, enrichment or adequate socialisation they require."

"Many of them were tied to tiny cages on which their skin were chafed raw from the metal bars. The macaques pace neurotically and some frantically (lunged against the) tethers, repeatedly choking themselves on their collars."

Rally said the schools are also promoted to

tourists on the Thai government website, which she alleged "put on deceptive coconut-picking demonstrations for visitors that involve adult macaques that have been abused and broken".

She said Peta has also called on the Thai government to shut down the schools.

"Every single macaque I saw was suffering in some way, physically and psychologically. As a veterinarian, I am disturbed and horrified by these conditions."

"As a mother, my heart is shattered. These macaque babies should be cradled by their mothers, but they are kept in torturous conditions as prisoners."

Engineer 'rice-s' to the occasion with floating technique

BY NELSON BENJAMIN
nelson@thestar.com.my

KOTA TINGGI: He is a civil engineer who began dipping his toes into padi planting about 30 years ago.

And now Tam Pak Snew, 67, has embarked on a new project — planting organic rice on floating platforms.

He said the method has produced positive results as he could double the yield compared to those that were grown on soil.

"The price of organic rice is also double that of the ordinary rice," he said.

Furthermore, he said farmers could rear fish and ducks in the ponds, which could provide them with an additional income.

He said his floating padi platform is similar to cultivating fish in cages on a floating platform known as fish cage aquaculture.

Tam explained that his passion for padi cultivation started when he met his wife, who is from Sekinchan in Selangor, which is well known for its vast padi fields.

However, he developed a passion for agriculture from young.

Tam grew up in an estate with eight siblings and began tapping rubber when he was nine years old. He subsequently went on to graduate from Universiti Malaya with a degree in civil engineering. He is the only graduate in the family.



Brilliant idea:

A worker moving the padi platform designed by Tam (inset). — THOMAS YONG/The Star



tiny pests attacking the crop, we would just sink the platform for about 30 minutes into the pond to get rid of the bugs which are then eaten by fish in the pond," he said, adding that this helps to save cost especially on pesticides.

Tam, who is the founder of Koref Desaru Leisure Farm Sdn Bhd in Desaru, said that currently, he has about 19 platforms in his pond which are all planted with Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) MR269 rice variety.

"Usually we grow the seedlings on the ground for about a few weeks before they are transplanted to the platforms. It takes about three months to grow."

Tam hoped the government would help fund his floating platform technique as it could be a pilot project.

With about 400 platforms on a 1ha pond, he said they would be able to yield about 18 to 20 tonnes of padi per year, which is double the yield from rice grown on soil.

He said this method of planting would not only boost the country's rice production but would also be good for the country's food security.

grow back again and produce another round.

"Each floating platform, which is 6m x 3m is filled with high quality soil and planted with about 550 rice seedlings," he said, adding that the soil is constantly moist and this helps promote the growth of the plant.

About one month before harvesting, he said each platform is covered with nets to prevent attacks from pests or birds.

"But if there are other types of

"Then in 1998, I took on a 12ha rice field in Kahang, Johor, and obtained the country's first organic rice certification from the Agricultural Department in 2006."

He closed that field in 2018 before moving to his present site which is about 72ha in Desaru.

As for this platform method, he explained that he could plant and harvest the padi three times in a year.

"Our yield is much higher. Despite the plants being cut, they



WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com